



Garis Panduan  
**Program Pemulihan Kanak-Kanak**  
**Kekurangan Zat Makanan**  
**2015**

Bahagian Pemakanan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## Kumpulan Kerja Pembentukan Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan

### **Puan Rokiah Don**

Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Cik Rusidah Selamat**

Timbalan Pengarah (Operasi)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Zaiton Daud**

Timbalan Pengarah (Polisi & Standard)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Encik Nazli Suhardi Ibrahim**

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pemulihan)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Norlela Mohd Hussin**

Ketua Penolong Pengarah (Pemulihan)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Fatimah Zurina Mohamad**

Penolong Pengarah Kanan (Pemulihan Makronutrien)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Junidah Raib**

Penolong Pengarah Kanan (Pengawasan)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Cik Nuramalina Muhamad**

Penolong Pengarah (Pemulihan Makronutrien)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Cik Nur Azlina Abdul Aziz**

Penolong Pengarah (Pengawasan)  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Rusnah Adon**

Penyelia Jururawat Kesihatan  
Bahagian Pemakanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

### **Puan Rohida Saleh Hudin**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

### **Puan Siti Rohana Din**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

### **Puan Zuhaida Harun**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

### **Encik Yahya Ahmad**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

### **Puan Zuraini Abdullah**

Pegawai Sains (Pemakanan)  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

### **Puan Jamilah Ahmad**

Pegawai Sains (Pemakanan)  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

### **Puan Nurul Zaiza Zainudin**

Pegawai Sains (Pemakanan)  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

### **Puan Wirdah Mohamed**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

### **Dr. Mariam Abd Manap**

Pakar Perubatan Keluarga  
Klinik Kesihatan Port Dickson  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

### **Encik Mohd Razif Mohd Jamain**

Pegawai Sains (Pemakanan)  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

### **Puan Zahariah Mohd Nordin**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

### **Puan Hjh. Norhaizan Mustapha**


Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

### **Puan Bong Mee Wan**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

### **Puan Puspawati Mohamed**

Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah



## Isi Kandungan

**01**

- Pengenalan

**01**

- Objektif

**01**

- Kumpulan Sasaran

**02**

- Definisi Kekurangan Zat Makanan (KZM)

**03**

- Kriteria Kelayakan

**03**

- Pendaftaran Kes dalam PPKZM

**04**

- Pengendalian Kes

**04**

- Kaedah Pelaksanaan Pemberian Bantuan

**06**

- Kriteria Pulih Dalam PPKZM

**07**

- Kriteria Pemberhentian Bantuan

**07**

- Tutup Kes

**07**

- Pemantauan Program

**08**

- Penilaian Pencapaian Program

**09**

- Struktur Organisasi Pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan

## Senarai Lampiran Dan Borang

Bil	Perkara	M/Surat
1.	<b>Lampiran 1:</b> Buku Rekod Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-101)	13
2.	<b>Lampiran 2:</b> Dokumen Sokongan untuk Pengesahan Pendapatan Isi Rumah	31
3.	<b>Lampiran 3:</b> Senarai Semak Lawatan Ke Rumah Kes Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan	32
4.	<b>Lampiran 4a:</b> Borang Pesanan Bahan-Bahan Makanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-203a)	33
5.	<b>Lampiran 4b:</b> Borang Pesanan Bahan-Bahan Makanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-203b)	36
6.	<b>Lampiran 5:</b> Pilihan Pakej Bakul Makanan	39
7.	<b>Lampiran 6:</b> Spesifikasi Makanan dalam Bakul Makanan di Bawah Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)	43
8.	<b>Lampiran 7:</b> Rekod Kawalan Stok bagi Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-104)	50
9.	<b>Lampiran 8:</b> Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak KZM yang Tidak Menerima dan Menerima Bantuan PPKZMR-201B	53
10.	<b>Lampiran 9:</b> Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak KZM yang Tidak Menerima dan Menerima Bantuan PPKZMR-201S	57
11.	<b>Lampiran 10:</b> Laporan Perbelanjaan Bulanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-202)	61
12.	<b>Lampiran 11:</b> Senarai Contoh Susu Khas	62

## Senarai Jadual

Bil	Perkara	M/Surat
1.	<b>Jadual 1:</b> Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Wilayah 2012 (RM Bulanan)	2
2.	<b>Jadual 2:</b> Kriteria Kelayakan dan Bentuk Bantuan mengikut kriteria pendapatan	3
3.	<b>Jadual 3:</b> Nama Borang dan Pegawai yang Bertanggungjawab untuk Penyelenggaraan Borang	8

## 1. PENGENALAN

Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) telah dilancarkan pada tahun 1989 sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak berumur enam bulan hingga enam tahun daripada keluarga miskin tegar. Dalam program ini, kanak-kanak yang memenuhi kriteria kelayakan diberi bantuan makanan untuk memastikan kebolehdapatan makanan mereka supaya dapat mencapai pertumbuhan dan perkembangan fizikal yang normal. Kanak-kanak terbabit juga akan diberi rawatan sekiranya menghidap sebarang penyakit. Selain itu, pemberian imunisasi, pendidikan kesihatan, penjagaan kebersihan diri dan persekitaran serta pengawasan yang rapi turut diberi perhatian.

Selain daripada masalah kebolehdapatan makanan itu sendiri, faktor sosio ekonomi yang menyumbang kepada masalah kekurangan zat makanan (KZM) juga diberi penekanan. Oleh itu, keluarga kanak-kanak yang mendapat bantuan makanan akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan yang berada di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Kerjasama pelbagai agensi adalah amat penting dalam memastikan kejayaan program ini. Bermula akhir tahun 2010, melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0), Kementerian Kesihatan telah diberi tanggungjawab untuk memperluaskan PPKZM kepada kanak-kanak KZM daripada kalangan keluarga miskin tegar kepada keluarga miskin dan mudah miskin.

Bagi memastikan pemantauan program dapat dijalankan dengan lebih berkesan, teratur, cepat dan tepat, Sistem Registri Kebangsaan PPKZM telah dibangunkan sebagai pangkalan data kes kanak-kanak KZM berumur enam bulan hingga enam tahun di seluruh Malaysia pada tahun 2011.

Sehubungan itu, Garis panduan PPKZM ini perlu diguna pakai dan dijadikan rujukan oleh anggota kesihatan dalam pelaksanaan PPKZM.

## 2. OBJEKTIF

Untuk memastikan  $\geq 20\%$  kanak-kanak yang mengalami masalah KZM teruk dan sederhana yang berumur di antara 6 bulan hingga 6 tahun pulih.

## 3. KUMPULAN SASARAN

Kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur di antara 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah KZM teruk dan sederhana daripada keluarga miskin tegar, miskin dan mudah miskin (**rujuk Jadual 1**) serta keluarga berpendapatan RM2000 dan ke atas.

**Jadual 1:** Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Wilayah 2012 (RM Bulanan)

Wilayah	Miskin Tegar		Miskin		Mudah Miskin
	PGK 2012		PGK 2012		GTP 1.0
	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	
<b>Semenanjung Malaysia</b>	520	130	830	210	<2000
Bandar	510	130	840	220	<2000
Luar Bandar	530	120	790	190	<2000
<b>Sabah &amp; Labuan</b>	660	140	1,090	240	<2000
Bandar	630	140	1,080	240	<2000
Luar Bandar	710	150	1,120	240	<2000
<b>Sarawak</b>	600	140	920	230	<2000
Bandar	630	150	960	230	<2000
Luar Bandar	570	140	870	220	<2000

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU), 2013 dan Dokumen Pelan Hala Tuju, Program Transformasi Kerajaan, GTP 1.0, 2010

2

#### 4. DEFINISI KEKURANGAN ZAT MAKANAN (KZM)

##### 4.1 KZM merujuk kepada salah satu atau lebih masalah berikut:

- i. Kurang berat badan (Berat-untuk-umur <-2 SD)
- ii. Terbantut (Panjang/ Tinggi-untuk-umur <-2 SD)
- iii. Susut (BMI-untuk-umur <-2 SD)

##### 4.2 Walau bagaimanapun, indikator berat-untuk-umur dan BMI-untuk-umur diguna pakai dalam penentuan kemasukan kes baru dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan iaitu:

- a. Kurang Berat Badan Teruk (KBBT) sahaja, iaitu berat-untuk-umur <-3SD **ATAU**
- b. Kurang Berat Badan Sederhana (KBBS), iaitu berat-untuk-umur  $\geq$  -3SD - <-2SD DAN susut iaitu BMI-untuk-umur < -2SD **ATAU**
- c. KBBT atau KBBS dengan masalah kongenital seperti *Cerebral Palsy* dan *Congenital Heart Disease* **ATAU**
- d. KBBT atau KBBS dengan tanda-tanda klinikal seperti marasmus, *kwashiorkor* dan *marasmic kwashiorkor*.

**\*Nota:** Kes ini perlu dirujuk terlebih dahulu kepada pihak hospital untuk mendapatkan rawatan.

## 5. KRITERIA KELAYAKAN

Semua kanak-kanak yang didaftarkan dalam PPKZM layak menerima bantuan seperti dalam Jadual 2:

**Jadual 2:** Kriteria Kelayakan dan Bentuk Bantuan mengikut kriteria pendapatan

Bil	Kriteria Kelayakan	Bentuk Bantuan
1.	Semua kes KZM pada para 4.2 daripada keluarga miskin tegar, miskin dan mudah miskin.	<p><b>Bakul Makanan</b> (Rujuk Pakej 1- 13, Lampiran 5)</p> <p><b>Anggaran harga setiap pakej:</b></p> <p><b>Semenanjung Malaysia:</b> RM100.00 – RM200.00</p> <p><b>Sabah, Sarawak dan W.P Labuan:</b> RM150.00 – RM250.00</p>
2.	Semua kes KZM pada para 4.2 <b>DENGAN</b> pendapatan isi rumah RM2000 dan ke atas	<p>Susu Tepung Penuh Krim dan Multivitamin</p> <p><b>Anggaran harga:</b> RM100.00/ pakej</p>

**NOTA:** Pemberian bantuan susu tepung penuh krim dan multivitamin kepada keluarga dengan pendapatan RM2000.00 dan ke atas adalah bergantung kepada peruntukan. Keutamaan peruntukan adalah untuk pembelian bantuan bakul makanan kepada kes daripada keluarga miskin tegar, miskin dan mudah miskin.

## 6. PENDAFTARAN KES DALAM PPKZM

- 6.1 Semua kanak-kanak KZM yang layak menerima bantuan perlu didaftarkan di dalam Buku Rekod Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-101 (**Lampiran 1**) dan dikunci masuk ke dalam Sistem Registri Kebangsaan PPKZM, <http://eppkzm.moh.gov.my>. Bagi kes KBBT dan KBBS dengan masalah kongenital, pengurusan kes dijalankan berdasarkan Garis Panduan Pemakanan Kanak-Kanak dengan Keperluan Khas dari Lahir hingga 18 Tahun.
- 6.2 Bagi membolehkan pendaftaran kes dibuat, kanak-kanak/ ibu/ bapa/ penjaga **MESTI** mempunyai kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri.
- 6.3 Pegawai Perubatan/ Pegawai Sains (Pemakanan)/ Penyelia Jururawat Kesihatan/ Ketua Jururawat Kesihatan perlu mengesahkan kanak-kanak mengalami KZM dan layak menerima bantuan. Pengesahan ini dibuat menggunakan Buku Rekod Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-101 sebelum kes dikunci masuk ke dalam Sistem Registri Kebangsaan PPKZM, <http://eppkzm.moh.gov.my>. Setiap kes yang telah disahkan perlu disemak bersama senarai nama eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.
- 6.4 Dokumen sokongan untuk pengesahan pendapatan isi rumah seperti slip gaji atau surat sokongan pengesahan pendapatan isi rumah perlu diperolehi daripada Jawatan Kuasa Ketua Kampung/ Jawatan Kuasa Ketua Kampung Persekutuan/ Tuai Rumah/ Penghulu/ Tok Batin/ badan-badan yang diiktiraf/ Pegawai Kerajaan Kumpulan A atau yang setaraf dengannya (**Lampiran 2**).

## 7. PENGENDALIAN KES

- 7.1 Kes perlu dikendali oleh anggota kesihatan menggunakan Prosedur Operasi Standard Pengendalian Kes Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes KBBT dan KBBS dengan masalah kongenital, pengurusan kes adalah berdasarkan Garis Panduan Pemakanan Kanak-Kanak dengan Keperluan Khas dari Lahir hingga 18 Tahun.
- 7.2 Semua kes perlu hadir ke klinik setiap bulan untuk penilaian antropometri dan taraf kesihatan. Bagi kes yang mempunyai alasan yang kukuh untuk tidak hadir ke klinik, pengendalian kes dijalankan melalui lawatan penyeliaan di rumah kes.
- 7.3 Lawatan ke rumah kes yang menerima bantuan hendaklah dijalankan setiap bulan oleh jururawat. Pegawai Sains (Pemakanan) digalakkan untuk menjalankan lawatan ke rumah bersama jururawat sekurang-kurangnya sekali sepanjang kes berada dalam Program. Sementara itu, bagi kes KZM di kawasan pedalaman, lawatan ke rumah kes adalah pada/ setiap tiga bulan sekali atau mengikut jadual pasukan kesihatan bergerak. Rujuk Senarai Semak Lawatan Ke Rumah Kes Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (**Lampiran 3**).
- 7.4 Runding Cara Pemakanan (RCP) hendaklah diberi kepada ibu/ bapa/ penjaga kes oleh Pegawai Sains (Pemakanan) mengikut keperluan.
- 7.5 Ibu/ bapa/ penjaga juga perlu diberi nasihat oleh Pegawai Perubatan/ Pegawai Sains (Pemakanan)/ Jururawat tentang penyediaan hidangan berkalori tinggi, penjagaan anak, kebersihan diri dan persekitaran serta pencegahan penyakit berjangkit yang boleh mempengaruhi taraf pemakanan dan kesihatan kanak-kanak.

## 8. KAEDAH PELAKSANAAN PEMBERIAN BANTUAN

### 8.1 Peruntukan Bantuan

- 8.1.1 Waran peruntukan daripada Bahagian Kewangan, KKM disalurkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri.
- 8.1.2 Pengagihan peruntukan ke daerah adalah berasaskan bilangan kes KZM yang layak diberi bantuan. Pegawai Kesihatan Daerah/ Kawasan/ Bahagian, sebagai pemegang waran, adalah bertanggungjawab mengawal perbelanjaan masing-masing secara berkala.
- 8.1.3 Peruntukan bagi Bakul Makanan hanya untuk pembelian bakul makanan sahaja, tidak boleh sama sekali digunakan untuk pembelian atau tujuan lain, contohnya bayaran makan-minum program/ aktiviti yang dilaksanakan, sebarang pembelian aset dan cenderahati.

### 8.2 Perolehan Dan Pengedaran Bantuan

- 8.2.1 Pegawai Sains (Pemakanan)/ pegawai yang dikenal pasti di peringkat daerah perlu mengesahkan bilangan kes setiap bulan dan memastikan anggota kesihatan membuat pesanan dengan mengisi Borang Pesanan Bahan-Bahan Makanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-203a (**Lampiran 4a**) dan PPKZMR-203b (**Lampiran 4b**).
- 8.2.2 Pesanan bahan makanan kepada pembekal dibuat mengikut pilihan pakej (**Lampiran 5**) yang telah ditetapkan setiap bulan atau mengikut keperluan.
- 8.2.3 Pegawai Sains (Pemakanan)/ pegawai yang dikenal pasti di peringkat daerah perlu memastikan bahan makanan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 6**.



- 8.2.4 Anggota kesihatan di peringkat daerah atau klinik perlu memastikan kuantiti, kualiti, pembungkusan, masa dan tempat seperti di dalam borang pesanan PPKZMR-203a dan PPKZMR-203b dipatuhi. Ketidakpatuhan perlu dicatatkan pada ruangan 'keadaan bekalan'. Bekalan bahan makanan yang tidak memuaskan perlu diganti.
- 8.2.5 Penerimaan dan pengagihan bahan makanan perlu direkodkan ke dalam Rekod Kawalan Stok, PPKZMR-104 (**Lampiran 7**). Anggota kesihatan perlu memastikan tatacara berkaitan stor dipatuhi mengikut Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2009, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan.
- 8.2.6 Setiap kes perlu diberi bantuan makanan pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, bagi kes yang berada di kawasan pedalaman atau wujud masalah logistik, di mana bantuan bakul makanan tidak dapat diberi setiap bulan, pemberian bantuan bakul makanan boleh dilanjutkan tidak melebihi tempoh 2 bulan.
- 8.2.7 Bantuan makanan ini dibekalkan dalam tempoh satu hingga dua bulan selepas pendaftaran dalam program dibuat.
- 8.2.8 Sekiranya dalam satu keluarga terdapat lebih daripada seorang anak yang layak mendapat bantuan, bantuan makanan diberi mengikut bilangan kanak-kanak yang layak.

**Contoh:** Sekiranya dalam satu keluarga terdapat 2 orang anak KZM, sebanyak dua bakul makanan perlu diberikan kepada keluarga ini pada setiap bulan. Bantuan makanan ini boleh diberi serentak atau satu diberi pada awal bulan, sementara yang satu lagi diberi pada pertengahan bulan.

- 8.2.9 Kes KZM digalakkan untuk diambil gambar semasa pendaftaran, selepas 6 bulan menerima bantuan dan semasa kes pulih atau ditutup dengan keizinan ibu/ bapa/ penjaga bagi tujuan rekod. Sila catat tarikh gambar tersebut diambil pada setiap keping gambar.

### 8.3 Jenis dan Kandungan Bantuan Makanan

#### 8.3.1 Bakul makanan

Bakul makanan mengandungi 2 bahan asas iaitu bahan makanan dan multivitamin. Bahan makanan ini terdiri daripada 7 item makanan yang mudah didapati. Terdapat 13 pilihan pakej yang boleh dibekalkan kepada kanak-kanak yang layak (**Lampiran 5**) dan mengikut spesifikasi. Pakej 1 hingga 12 mengandungi makanan asas yang boleh membekalkan tenaga sebanyak 39,809 kcal – 54,760 kcal sebulan dan protein sebanyak 1,415g – 1,549g sebulan. Bahan makanan ini dapat memenuhi lebih kurang 102% - 140% daripada keperluan kalori dan 204% – 222% keperluan protein harian. Pakej 13 terdiri daripada susu khas dan multivitamin. Pakej makanan ini boleh membekalkan tenaga sebanyak 8,856 kcal sebulan dan protein sebanyak 266g - 535g sebulan. Bahan makanan dalam pakej ini dapat memenuhi lebih kurang 23% daripada keperluan kalori dan 39% – 78% keperluan protein harian. Anggaran harga bagi setiap pilihan pakej makanan adalah sebanyak RM100.00 – RM200.00 (Semenanjung Malaysia), RM150.00 – RM250.00 (Sabah, Sarawak dan W.P Labuan).

- 8.3.1.1 Pegawai Sains (Pemakanan)/ anggota kesihatan dibenarkan memilih pakej yang sesuai mengikut logistik, keperluan dan kesesuaian serta penerimaan kes. Sebarang pertukaran item di dalam pakej bakul makanan yang sama adalah tidak dibenarkan.
- 8.3.1.2 Dalam situasi di mana harga bakul makanan melebihi kos yang ditetapkan, maka pihak Jabatan Kesihatan Negeri boleh memohon kelulusan kenaikan kadar harga bakul makanan melalui Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia mengikut tatacara kewangan semasa.

### 8.3.2 Susu tepung penuh krim dan multivitamin

8.3.2.1 Susu tepung penuh krim dibekalkan dalam kuantiti 1 hingga 3 kg sebulan beserta multivitamin dengan anggaran harga sebanyak < RM100.00.

8.3.3 Harga bagi setiap bantuan makanan akan disemak dari semasa ke semasa.

## 9. KRITERIA PULIH DALAM PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN

### 9.1 Kriteria Pulih

9.1.1 Kes Kurang Berat Badan Teruk (KBBT) yang menerima bantuan bakul makanan atau susu tepung penuh krim dan multivitamin:

Bagi kanak-kanak KBBT (berat-untuk-umur < - 3SD), kes dikira pulih sekiranya terdapat peningkatan berat badan (mengikut lengkung pertumbuhan) selama 6 bulan penilaian **DAN** BMI-untuk-umur adalah normal.

#### Nota:

- Kes masih dikira pulih sekiranya terdapat sama ada satu kali penurunan berat badan atau satu kali mendatar di antara penilaian pertama dan penilaian ke-6 **DAN** BMI-untuk-umur adalah normal.
- **SEKIRANYA** pada penilaian ke 6 terdapat penurunan berat badan atau mendatar, kes ini dianggap tidak pulih.

9.1.2 Kes Kurang Berat Badan Sederhana (KBBS) yang menerima bantuan bakul makanan atau susu tepung penuh krim dan multivitamin.

Bagi kanak-kanak KBBS (berat-untuk-umur >-3 SD - <-2SD), kes dikira pulih sekiranya terdapat peningkatan berat badan (mengikut lengkung pertumbuhan) selama 3 bulan penilaian **DAN** BMI-untuk-umur adalah normal.

9.1.3 Semua kanak-kanak perlu disahkan pulih oleh Pegawai Perubatan/ Pegawai Sains (Pemakanan)/ Penolong Pegawai Perubatan/ Penyelia Jururawat Kesihatan/ Ketua Jururawat Kesihatan/ Jururawat Kesihatan Awam.

9.1.4 Semua kanak-kanak yang pulih selepas 6 bulan penilaian (KBBT) dan 3 bulan penilaian (KBBS) perlu direkodkan dalam Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak KZM yang Tidak Menerima dan Menerima Bantuan, PPKZMR-201B (**Lampiran 8**) dan PPKZMR-201S (**Lampiran 9**).

## 10. KRITERIA PEMBERHENTIAN BANTUAN

### 10.1 Kes telah disahkan pulih ATAU

### 10.2 Atas sebab-sebab lain:

- a. Pindah/ tidak dapat dikesan/ enggan menerima bantuan/ meninggal dunia/ tidak bekerjasama  
**ATAU**
- b. Masuk sekolah rendah

**10.3** Bagi kes yang telah berada dalam program selama 24 bulan, dan BMI-untuk-umur adalah normal ( $>-2SD$ ), bantuan hendaklah diberhentikan dan kes ditutup.

## 11. TUTUP KES

### 11.1 Bagi kes yang menerima bantuan:

- a. Tarikh pulih adalah sama dengan tarikh terakhir penerimaan bantuan makanan.
- b. Tarikh berhenti bantuan adalah sebulan selepas tarikh terakhir penerimaan bantuan makanan.
- c. Tarikh tutup kes adalah sama dengan tarikh berhenti bantuan makanan.

**11.2** Kes yang telah ditutup perlu diberi janji temu mengikut norma lawatan ke klinik kesihatan.

**11.3** Kes yang telah dipulihkan boleh didaftarkan semula sekiranya kanak-kanak kembali mengalami masalah susut iaitu BMI-untuk-umur  $<-2SD$ .

## 12. PEMANTAUAN PROGRAM

**12.1** Maklumat bantuan makanan dan ukuran berat badan/ tinggi perlu dikemaskini setiap bulan ke dalam Buku Rekod Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-101 dan dikunci masuk ke dalam Sistem Registri Kebangsaan PPKZM, <http://epkzm.moh.gov.my>.

**12.2** Laporan Perbelanjaan Bulanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-202 (**Lampiran 10**) perlu diisi dan dihantar kepada Bahagian Pemakanan setiap bulan.

12.3 Penyelenggaraan borang hendaklah dibuat seperti di **Jadual 3**:

**Jadual 3:** Nama borang dan pegawai yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan borang.

Bil	Nama borang	Pegawai Bertanggungjawab	Catatan
1.	Buku Rekod Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-101	PSP/PJK/KJK/JKA/JK/JM	Disimpan di klinik
2.	Borang Pesanan Bahan-bahan Makanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-203a dan PPKZMR-203b	KJK/ JKA/ JK/ JM	Disimpan di klinik/ Pejabat Kesihatan Daerah
3.	Rekod Kawalan Stok Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan PPKZMR-104	KJK/ JKA/ JK/ JM	Disimpan di klinik
4.	Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak yang Tidak Menerima dan Menerima Bantuan, PPKZMR-201B dan PPKZMR-201S	PSP/ PJK/ KJK	Dihantar kepada PSP Negeri untuk dikemukakan kepada Bahagian Pemakanan setiap bulan.
5.	Laporan Perbelanjaan Bulanan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan, PPKZMR-202	PSP/ PJK/ KJK	Dihantar kepada PSP Negeri untuk dikemukakan kepada Bahagian Pemakanan setiap bulan.

8

### 13. PENILAIAN PENCAPAIAN PROGRAM

Penilaian pencapaian PPKZM akan dibuat setiap 6 bulan (Jun dan Disember). Kes dengan masalah kongenital dan tanda-tanda klinikal tidak diambil kira dalam penilaian program.

#### 13.1 Pulih Dalam PPKZM

Perkiraan dibuat berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Bilangan kanak-kanak pulih}}{(\text{Bilangan kanak-kanak semasa} + \text{bilangan kes berhenti}) - (\text{kes baru})} \times 100$$

#### Nota:

- Kes baru bagi KBBT adalah <6 bulan dan kes baru bagi KBBS adalah <3 bulan.
- Data bagi pengiraan pulih ini diperolehi daripada Laporan Bulanan/ Tahunan Kanak-Kanak KZM yang Tidak Menerima dan Menerima Bantuan, PPKZMR 201B (KZM201) dan PPKZMR 201S.

## 14. STRUKTUR ORGANISASI PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN

### 14.1 Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan

#### 14.1.1 Keahlian

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) : Pengerusi

Pengarah Bahagian Pemakanan : Timbalan Pengerusi

Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pemulihan) Bahagian Pemakanan : Setiausaha

Ahli :

1. Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Pemakanan
2. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
3. Setiausaha Bahagian Perolehan Dan Penswastaan
4. Pengarah Bahagian Kejururawatan
5. Pakar Pediatrik
6. Pakar Perubatan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kesihatan Kanak-Kanak)
8. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kesihatan Ibu & Perinatal)
9. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Unit Perkhidmatan Orang Asli)
10. Ketua Penolong Pengarah (Pemulihan)
11. Penolong Pengarah Kanan (Makronutrien)
12. Penolong Pengarah (Makronutrien)
13. Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri
14. Pegawai Kesihatan Persekitaran
15. Ahli-ahli lain yang dijemput (*co-opted members*)
  - Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
  - Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
  - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
  - Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
  - PEMANDU
  - Universiti

#### 14.1.2 Terma rujukan

1. Membincangkan isu-isu teknikal pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan.
2. Memantau dan menilai pencapaian pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM).
3. Membincangkan pelaksanaan program/ aktiviti oleh jabatan/ Kementerian yang berkaitan dalam membantu Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM).
4. Mencadang dan memberi input teknikal untuk penambahbaikan PPKZM.

#### 14.1.3 Kekerapan mesyuarat

Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

### 14.2 Jawatankuasa Teknikal Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Peringkat Negeri

#### 14.2.1 Keahlian

- |   |   |                    |
|---|---|--------------------|
| Pengarah Kesihatan Negeri                           | : | Pengerusi          |
| Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) | : | Timbalan Pengerusi |
| Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri                    | : | Setiausaha         |
| Ahli  | : |                    |
1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
  2. Pegawai Kesihatan Keluarga Negeri
  3. Pegawai Kesihatan Daerah
  4. Pakar Pediatrik
  5. Pakar Perubatan Keluarga
  6. Pegawai Sains (Pemakanan) Daerah/ Kawasan/ Bahagian
  7. Penyelia Jururawat Kesihatan Negeri
  8. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (BAKAS)
  9. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
  10. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
  11. Ahli-ahli lain yang dijemput

#### 14.2.2 Terma rujukan

1. Memantau pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan di setiap peringkat operasi.
2. Membincangkan masalah yang timbul dan mengenal pasti serta mengambil langkah penyelesaian.
3. Menilai pencapaian program dan membuat penambahbaikan setiap aktiviti yang dijalankan.

#### 14.2.3 Kekerapan mesyuarat

Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

##### **Nota:**

Sekiranya telah terdapat jawatankuasa yang seumpamanya, jawatankuasa yang baru tidak perlu dibentuk. Agenda yang berkaitan boleh dibawa ke mesyuarat tersebut.

### 14.3 Jawatankuasa Teknikal Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Peringkat Daerah

#### 14.3.1 Keahlian

Pegawai Kesihatan Daerah	:	Pengerusi
Pegawai Sains (Pemakanan) Daerah/ Kawasan/ Bahagian	:	Setiausaha
Ahli	:	
1.		Pegawai Perubatan dan Kesihatan
2.		Pakar Perubatan Keluarga
3.		Pegawai Sains (Pemakanan) Klinik
4.		Penyelia Jururawat Kesihatan
5.		Penolong Pegawai Tadbir/ Pembantu Tadbir Kanan
6.		Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (BAKAS)
7.		Jabatan Kebajikan Masyarakat.
8.		Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
9.		Ahli-ahli lain yang dijemput

### 14.3.2 Terma rujukan

1. Memantau pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan secara lebih terperinci.
2. Membincangkan masalah yang timbul dan mengenal pasti serta mengambil langkah penyelesaian.
3. Menilai pencapaian program dan membuat penambahbaikan setiap aktiviti yang dijalankan.

### 14.3.3 Kekerapan mesyuarat

Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

**Nota:**

Sekiranya telah terdapat jawatankuasa yang seumpamanya, jawatankuasa yang baru tidak perlu dibentuk. Agenda yang berkaitan boleh dibawa ke mesyuarat tersebut.



## BUKU REKOD KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN

Lampiran 1

PPKZMR-101  
Pind. 1/2014

### A. MAKLUMAT KANAK-KANAK

1. Kategori kelayakan :  Miskin Tegar  
*\*Boleh isi lebih dari satu*  
 Miskin  
 Mudah Miskin  
 RM2000.00 dan ke atas  
 PCF
2. Nama penuh :
3. No. Mykid :  -  -
4. Alamat penuh :
5. Tarikh lahir :  /  /   

Hari                      Bulan                      Tahun
6. Jantina :  Lelaki     Perempuan     Ragu
7. Etnik :  Melayu     Bidayuh  
 Cina         Melanau  
 India         Orang Asli Semenanjung  
 Kadazan     Lain-lain Bumiputera Sabah  
 Iban          Lain-lain Bumiputera Sarawak  
 Murut        Lain-lain Kumpulan Etnik, nyatakan  
 Bajau
8. Berat lahir :  .  kg    **Peringatan:** Sila semak sekiranya berat lahir melebihi 5 kg
9. Panjang lahir :  .  cm
10. Status kelahiran :  Matang     Pra matang
11. No. kod kes :     *contoh: 001/14/S atau 002/14/B*
12. Nama fasiliti :
13. Daerah :
14. Negeri :

## B. MAKLUMAT STATUS DALAM PROGRAM

1. Diagnosa KZM :  Kurang Berat Badan Teruk (berat-untuk-umur < - 3SD)  
*\*Boleh tanda lebih dari satu*  Kurang Berat Badan Sederhana (berat-untuk-umur  $\geq$  - 3SD hingga <-2SD)  
 Susut (BMI-untuk-umur <-2SD)  
 Tanda-tanda klinikal  Marasmus  
 Kwashiokor  
 Lain-lain (nyatakan)
- Masalah kongenital/ kecacatan (nyatakan)

2. Sebab-sebab KZM  
*\*Boleh tanda lebih dari satu*

- Kemiskinan (miskin tegar dan miskin)  
 Pengambilan makanan yang tidak mencukupi  
 Tiada ibu bapa  
 Penjagaan anak yang tidak sempurna  
 Bilangan ahli keluarga yang ramai  
 Penyakit (nyatakan)
- Masalah kongenital seperti *Cleft Palate*, jantung berlubang, *Cerebral Palsy*  
 *Gastro-intestinal disorders*  
 Lain-lain (nyatakan)


3. Tarikh daftar dalam PPKZM :   /   /    
 Hari Bulan Tahun
4. Umur semasa daftar :  Tahun  Bulan
5. Berat badan semasa daftar :   .  kg
6. Panjang/ tinggi semasa daftar :   .  cm
7. BMI semasa daftar :   .  kg/m<sup>2</sup>

8. BMI-untuk-umur :  Susut Teruk ( $< - 3SD$ )  
 Susut ( $\geq - 3SD - < - 2SD$ )  
 Normal ( $\geq - 2SD$ )
9. Tarikh mula bantuan :  /  /   
Hari Bulan Tahun
10. Umur semasa mula bantuan :  Tahun  Bulan
11. Berat badan semasa mula bantuan :  .  kg
12. Panjang/ tinggi semasa mula bantuan :  .  cm
13. BMI semasa mula bantuan :  .  kg/m<sup>2</sup>
14. BMI-untuk-umur :  Susut Teruk ( $< - 3SD$ )  
 Susut ( $\geq - 3SD - < - 2SD$ )  
 Normal ( $\geq - 2SD$ )

### C. MAKLUMAT KEMUDAHAN

1. Kemudahan asas yang ada di rumah semasa pendaftaran:

Bil	Jenis Kemudahan	Status	Keadaan	Kegunaan
a.	Tandas sempurna	<input type="checkbox"/> Ada	<input type="checkbox"/> Baik	<input type="checkbox"/> Guna
		<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Rosak	<input type="checkbox"/> Tidak
			<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan	<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan
b.	Sistem air kumbahan	<input type="checkbox"/> Ada	<input type="checkbox"/> Baik	<input type="checkbox"/> Guna
		<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Rosak	<input type="checkbox"/> Tidak
			<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan	<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan
c.	Tempat pelupusan sampah	<input type="checkbox"/> Ada	<input type="checkbox"/> Baik	<input type="checkbox"/> Guna
		<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="checkbox"/> Rosak	<input type="checkbox"/> Tidak
			<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan	<input type="checkbox"/> Tidak berkenaan



2. Sumber utama bekalan air untuk memasak:  
*\*Boleh tanda lebih dari satu*

- Gravity feed
- Perigi tiub
- Perigi terbuka
- Air hujan
- Air sungai
- Paip air JBA
- Lain-lain (nyatakan):

---

---

3. Rujukan kepada unit/ jabatan/ agensi berkaitan:  
*\*Boleh tanda lebih dari satu*

- Hospital
- JAKOA
- BAKAS
- Pejabat Daerah/ eKasih
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Lain-lain (nyatakan)

---

---


Catatan:

---

---

---

---



#### D. MAKLUMAT KELUARGA

1. Nama ibu :
2. No. KP ibu :  -  -
3. Pekerjaan ibu :  Buruh kasar, pengendali alat pengangkutan, mekanik  
 Petani, penternak, penternak ikan, penoreh getah dan kerja kampung  
 Pekerja perkhidmatan  
 Pekerja jualan  
 Pekerja perkeranian  
 Suri rumah  
 Tidak bekerja  
 Lain-lain (nyatakan)
4. Taraf pendidikan ibu :  Tidak bersekolah  
 Sekolah rendah  
 Sekolah menengah  
 Kolej/ Universiti  
 Lain-lain (nyatakan)
5. Nama bapa :
6. No. KP bapa :  -  -
7. Pekerjaan bapa :  Buruh kasar, pengendali alat pengangkutan  
 Petani, penternak, penternak ikan, penoreh getah dan kerja kampung  
 Pekerja perkhidmatan  
 Pekerja jualan  
 Pekerja perkeranian  
 Suri rumah  
 Tidak bekerja  
 Lain-lain (nyatakan)

8. Taraf pendidikan bapa :  Tidak bersekolah  
 Sekolah rendah  
 Sekolah menengah  
 Kolej/ Universiti  
 Lain-lain (nyatakan)  
\_\_\_\_\_
9. Nama Penjaga :
10. Hubungan dengan kes :
11. No. KP Penjaga :  -  -
12. Pekerjaan Penjaga :  Buruh kasar, pengendali alat pengangkutan, mekanik  
 Petani, penternak, penternak ikan, penoreh getah dan kerja kampung  
 Pekerja perkhidmatan  
 Pekerja jualan  
 Pekerja perkeranian  
 Suri rumah  
 Tidak bekerja  
 Lain-lain (nyatakan)
13. Taraf pendidikan penjaga :  Tidak bersekolah  
 Sekolah rendah  
 Sekolah menengah  
 Kolej/ Universiti  
 Lain-lain (nyatakan)  
\_\_\_\_\_
14. Bil ahli keluarga :  orang
15. Bil anak dalam satu keluarga :  orang

## 16. Pendapatan bulanan isi rumah

a.	Ibu	:	RM	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>
b.	Bapa	:	RM	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>
c.	Penjaga	:	RM	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>
c.	Ahli keluarga lain	:	RM	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>
d.	Lain-lain sumber pendapatan	:	RM	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>
e.	<b>Jumlah</b>	:	<b>RM</b>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	.	<input type="text"/>	<input type="text"/>

**E. PENGESAHAN**

Dengan ini saya mengesahkan \_\_\_\_\_ (nama kes) adalah kanak-kanak yang mengalami KZM dan layak menerima bantuan dalam PPKZM.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Nama : \_\_\_\_\_  
 Jawatan : \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_







**H. MAKLUMAT PEMANTAUAN**

Bil	Tarikh Antropometri	Umur		Berat (kg)	Panjang/Tinggi (cm)	BMI (kg/m <sup>2</sup> )	Status Pemakanan		
		Tahun	Bulan				WHO 2006/2007		
							Berat untuk umur	Tinggi untuk umur	BMI untuk umur
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	

22

**I) BERHENTI/ TUTUP KES****Maklumat pulih**

1. Tarikh pulih :  /  /   
Hari Bulan Tahun
2. Berat badan semasa pulih :  .  kg
3. Panjang/ tinggi semasa pulih :  .  cm
4. BMI semasa pulih :  .  kg/m<sup>2</sup>

**Maklumat berhenti bantuan**

5. Tarikh berhenti bantuan :  /  /   
Hari Bulan Tahun
6. Berat badan semasa berhenti bantuan :  .  kg
7. Panjang/ tinggi semasa berhenti bantuan :  .  cm
8. BMI semasa berhenti bantuan :  .  kg/m<sup>2</sup>

**Maklumat tutup kes**

9. Tarikh tutup kes :  /  /   
Hari Bulan Tahun
10. Berat badan semasa tutup kes :  .  kg
11. Panjang/ tinggi semasa tutup kes :  .  cm
12. BMI semasa tutup kes :  .  kg/m<sup>2</sup>
13. Sebab tutup kes :  Pulih  
 Masuk sekolah  
 Meninggal dunia  
 berpindah  
 Enggan menerima bakul  
 Sudah mampu  
 Lain-lain
14. Catatan :



## J. PENGESAHAN PULIH

---



Dengan ini saya mengesahkan \_\_\_\_\_ (nama kes) telah pulih dan kes ditutup.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



## Panduan Mengisi Buku Rekod Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZMR-101 PIND. 1/2014)

<b>Bahagian A:</b>		<b>Maklumat Kanak-Kanak</b>
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>
1	Kategori kelayakan	Pilih kategori kelayakan sama ada miskin tegar, miskin, mudah miskin, pendapatan isi rumah RM2,000.00 dan ke atas atau PCF.
2	Nama penuh	Isikan nama penuh kanak-kanak.
3	No. Mykid	Isikan nombor Mykid kanak-kanak Jika tiada nombor Mykid, sila rujuk Pegawai Sains (Pemakanan) Klinik/ Negeri.
4	Alamat penuh	Isikan alamat lengkap kanak-kanak.
5	Tarikh lahir	Isikan tarikh lahir kanak-kanak.
6	Jantina	Pilih jantina kanak-kanak.
7	Etnik	Pilih kumpulan etnik kanak-kanak seperti dalam senarai.
8	Berat lahir	Isikan berat lahir kanak-kanak dalam kg.
9	Panjang lahir	Isikan panjang lahir kanak-kanak dalam cm.
10	Status kelahiran	Isikan status kelahiran matang atau pra matang.
11	No kod kes	Isikan no kod kes.
12	Fasiliti	Isikan nama fasiliti.
13	Daerah	Isikan daerah tempat tinggal kanak-kanak.
14	Negeri	Isikan negeri tempat tinggal kanak-kanak.

**Bahagian B:****Maklumat Status Dalam Program**

Ruangan	Butir/ Perkara	Kemasukan
1	Diagnosa KZM	Pilih diagnosa KZM seperti dalam senarai. Boleh pilih lebih dari satu diagnosa.
	Tanda-tanda klinikal	Pilih tanda-tanda klinikal seperti dalam senarai.
	Masalah kongenital/ kecacatan	Pilih jika terdapat masalah kongenital/ kecacatan dan nyatakan.
2	Sebab-sebab KZM	Pilih sebab-sebab KZM seperti dalam senarai.
3	Tarikh daftar dalam PPKZM	Isikan tarikh daftar.
4	Umur semasa daftar	Isikan umur semasa daftar.
5	Berat badan semasa daftar	Isikan berat badan semasa daftar dalam kg.
6	Panjang/ tinggi semasa daftar	Isikan panjang/ tinggi semasa daftar dalam cm.
7	BMI semasa daftar	Isikan BMI semasa daftar.
8	BMI-untuk-umur	Tandakan kolum BMI-untuk-umur.
9	Tarikh mula bantuan	Isikan tarikh mula bantuan.
10	Umur semasa mula bantuan	Isikan umur semasa mula bantuan.
11	Berat badan semasa mula bantuan	Isikan berat badan semasa mula bantuan.
12	Panjang/ tinggi semasa mula bantuan	Isikan panjang/ tinggi semasa mula bantuan.
13	BMI semasa mula bantuan	Isikan BMI semasa mula bantuan.
14	BMI-untuk-umur	Tandakan kolum BMI-untuk-umur.

<b>Bahagian C:</b>		<b>Maklumat Kemudahan</b>
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>
1	Kemudahan asas yang ada di rumah semasa pendaftaran a. Tandas sempurna b. Sistem air kumbahan c. Tempat pelupusan sampah	Pilih maklumat status, keadaan dan kegunaan seperti dalam senarai.
2	Sumber utama bekalan air untuk memasak	Pilih sumber air yang berkenaan dan boleh pilih lebih dari satu (1) jika berkaitan.
3	Rujukan kepada Unit/ jabatan/ agensi berkaitan	Pilih rujukan yang dibuat dan boleh pilih lebih dari satu (1) jika berkaitan.

<b>Bahagian D:</b>		<b>Maklumat Keluarga</b>
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>
1	Nama ibu	Isikan nama penuh ibu kepada kanak-kanak.
2	No. KP ibu	Isikan nombor kad pengenalan ibu.
3	Pekerjaan ibu	Pilih jenis pekerjaan ibu seperti dalam senarai.
4	Taraf pendidikan ibu	Pilih taraf pendidikan ibu seperti dalam senarai.
5	Nama bapa	Isikan nama bapa.
6	No. KP bapa	Isikan no. kad pengenalan bapa.
7	Pekerjaan bapa	Pilih jenis pekerjaan bapa seperti dalam senarai.
8	Taraf pendidikan bapa	Pilih taraf pendidikan bapa/ penjaga seperti dalam senarai.
9	Nama penjaga	Isikan nama penuh penjaga kepada kanak-kanak.
10	Hubungan dengan kes	Isikan hubungan penjaga dengan kes.
11	No. KP penjaga	Isikan nombor kad pengenalan penjaga.
12	Pekerjaan penjaga	Pilih jenis pekerjaan penjaga seperti dalam senarai.
13	Taraf pendidikan penjaga	Pilih taraf pendidikan penjaga seperti dalam senarai.
14	Bil. ahli keluarga	Isikan jumlah bilangan ahli keluarga (termasuk ibu, bapa atau penjaga dan anak).
15	Bil. anak dalam satu keluarga	Isikan jumlah bilangan anak yang ditanggung oleh satu keluarga sahaja.

<b>Bahagian D:</b>		<b>Maklumat Keluarga</b>
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>
16	Pendapatan bulanan isi rumah	Isikan pendapatan bulanan isi rumah: a. Ibu b. Bapa c. Penjaga d. Ahli keluarga lain e. Lain-lain sumber pendapatan f. Jumlah

<b>Bahagian E:</b>	<b>Pengesahan</b>
Sila dapatkan pengesahan daripada Pegawai Perubatan/ Pegawai Sains (Pemakanan)/ Penyelia Jururawat Kesihatan/ Ketua Jururawat Kesihatan di klinik masing-masing sebelum dikunci masuk ke dalam Sistem Registri Kebangsaan PPKZM.	

<b>Bahagian F:</b>		<b>Maklumat Bantuan Bakul</b>
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>
1	Bilangan	Isikan no. bilangan.
2	Bilangan bakul makanan diterima	Isikan bilangan bakul makanan yang diterima.
3	Pilihan Pakej	Isikan pilihan pakej.
4	Bulan dan tahun diterima	Masukkan bulan dan tahun bakul makanan diterima.
5	Nama penjaga/ penerima bakul	Isikan nama penerima bakul.
6	Nama pegawai yang mengedar bakul	Isikan nama pegawai yang memberi bakul.
7	Catatan	Isikan ruangan catatan jika ada.



<b>Bahagian G:</b>		<b>Maklumat Bantuan Susu Tepung Penuh Krim Dan Multivitamin</b>	
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>	
1	Bilangan	Isikan no. bilangan.	
2	Amaun susu tepung penuh krim & multivitamin	Isikan amaun susu tepung penuh krim & multivitamin yang diterima.	
3	Bulan dan tahun diterima	Masukkan bulan dan tahun bantuan makanan diterima.	
4	Nama penjaga/ penerima bantuan	Isikan nama penerima bantuan.	
5	Nama pegawai yang mengedar bantuan	Isikan nama pegawai yang memberi bantuan.	
6	Catatan	Isikan ruangan catatan, jika ada.	

<b>Bahagian H:</b>		<b>Maklumat Pemantauan</b>	
<b>Ruangan</b>	<b>Butir/ Perkara</b>	<b>Kemasukan</b>	
1	Bilangan	Isikan no. bilangan.	
2	Tarikh antropometri	Isikan tarikh antropometri diambil.	
3	Umur	Isikan umur kanak-kanak mengikut tahun dan bulan.	
4	Berat (kg)	Isikan berat kanak-kanak dalam kg.	
5	Panjang/ Tinggi (cm)	Isikan panjang/ tinggi kanak-kanak dalam cm.	
6	<i>Body Mass Index</i> (BMI)	Isikan BMI kanak-kanak.	
7	Berat untuk umur (WHO)	Isikan maklumat pada ruangan (7) – (9) yang diperolehi melalui aplikasi Anthro dan AnthroPlus atau Sistem Registri Kebangsaan PPKZM.	
8	Tinggi untuk umur (WHO)		
9	BMI untuk umur (WHO)	<b>Contoh:</b> Berat-untuk-umur = -3.2	

**Bahagian I:****Berhenti/ Tutup Kes****Maklumat pulih**

1	Tarikh pulih	Isikan tarikh pulih.
2	Berat badan semasa pulih	Isikan berat badan semasa pulih.
3	Panjang/ tinggi semasa pulih	Isikan panjang/ tinggi semasa pulih.
4	BMI semasa pulih	Isikan BMI semasa pulih.

**Maklumat berhenti bantuan**

5	Tarikh berhenti bantuan	Isikan tarikh berhenti bantuan.
6	Berat badan semasa berhenti bantuan	Isikan berat badan semasa berhenti bantuan.
7	Panjang/ tinggi semasa berhenti bantuan	Isikan panjang/ tinggi semasa berhenti bantuan.
8	BMI semasa berhenti bantuan	Isikan BMI semasa berhenti bantuan.

**Maklumat tutup kes**

9	Tarikh tutup kes	Isikan tarikh tutup kes.
10	Berat badan semasa tutup kes	Isikan berat badan semasa tutup kes.
11	Panjang/ tinggi semasa tutup kes	Isikan panjang/ tinggi semasa tutup kes.
12	BMI semasa tutup kes	Isikan BMI semasa tutup kes
13	Sebab tutup kes	Pilih sebab tutup bantuan seperti dalam senarai.
14	Catatan	Isikan ruangan catatan jika ada.

**Bahagian J:****Pengesahan Pulih**

